

Kembara Pemangku Raja Pahang ke Ulu Tembeling

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD, 2 Disember 2022, 7:00 pm



Tengku Hassanal meluangkan masa berkayak di Sungai Tembeling Kampung Bantal di Ulu Tembeling, Jerantut baru-baru ini.

Kira-kira 2,000 orang Melayu kampung tradisional Ulu Tembeling Jerantut teruja apabila Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli, 'menjenguk' mereka yang tinggal di pedalaman negeri itu baharu-baharu ini.

Masyarakat Melayu yang tinggal di beberapa buah kampung di Ulu Tembeling dari segi sejarah mempunyai hubungan erat dengan Kesultanan Melayu Pahang sejak zaman berzaman.

Ini kerana sorotan sejarah hubungan kerabat Diraja Pahang dengan penduduk di Ulu Tembeling telah terjalin sejak Sultan Pahang pertama Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Bendahara Ali yang memerintah Pahang selama 50 tahun (1882-1914).

Hubungan 'kekeluargaan' bersama penduduk Ulu Tembeling diteruskan oleh Sultan Pahang selepas baginda dan legasi itu diharmonikan lagi oleh Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah kerabat paling muda penerus legasi Kesultanan Melayu Pahang.



Bersiram di Sungai Tembeling ditemani Ketua Kampung Bantal, Hamdan Ali.

Menurut penduduk kampung Ulu Tembeling Al-Marhum Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar antara Sultan yang kerap berangkat menemui rakyat di kawasan ini.

Kembara Baginda selama tiga hari dua malam, membabitkan beberapa buah kampung di sekitar Ulu Tembeling itu, meninggalkan sejarah dan kenangan indah kepada penduduk kampung yang 'merindui' sosok tubuh tampan Pemangku Raja Pahang.

Turut bersama dalam siri kembara berkenaan ialah Ketua Pegawai Eksekutif MUIP, Datuk Ahmad Hairi Hussain, Pegawai Daerah Jerantut, Khairun Nissa Aris, Ketua Polis Daerah Jerantut, Supt. Mazlan Hassan dan Kadi Daerah Jerantut, Ustaz Syarifuddin Mohamad Sa'ad.

Tengku Hassanal turut merasai pengalaman berharga dengan menaiki perahu galah menelusuri sungai sambil dihidangkan dengan pemandangan yang indah di sepanjang perjalanan Baginda untuk sampai ke kampung-kampung tersebut.

Ketua Kampung Bantal Hamdan Ali berkata, antara kampung yang disinggahi baginda ialah Kampung Bantal, Kampung Mat Daling, Kampung Gusai, Kampung Kuala Sat dan beberapa buah kampung yang lain di sekitar kawasan tersebut.



Baginda meluangkan waktu menziarah seorang pesakit warga emas yang terlantar.

Jelajah ini merupakan yang pertama kali diadakan oleh baginda ke Ulu Tembeling selepas dimasyhurkan sebagai Tengku Mahkota Pahang.

